



National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) 243042-U

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara

Ministry of Human Resources

Kementerian Sumber Manusia



KOMITMEN MENENTANG SOGOKAN DAN RASUAH

Pelanggan dan Pemegang Taruh yang Dihormati,

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang ditubuhkan untuk menyediakan latihan, khidmat rundingan, penyelidikan dan pembangunan serta penyebaran maklumat dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP). NIOSH menyokong penuh usaha antirasuah Kerajaan, Kementerian, dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan memperkuuhkan tadbir urus korporat serta menerapkan amalan perniagaan yang beretika dalam kalangan lembaga pengarah, pengurusan, warga kerja, pelanggan, vendor dan pemegang taruh untuk mematuhi undang-undang antirasuah.

Rasuah didefinisikan sebagai tindakan meminta, menerima, menawar atau memberi sogokan sebagai upah atau dorongan kepada seseorang individu untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Dengan penguatkuasaan undang-undang baharu, Seksyen 17(A) Akta Sprm 2009 (Pindaan 2018), yang dikenali sebagai Liabiliti Korporat, mulai 1 Jun 2020, organisasi komersial boleh didakwa atas kesalahan rasuah. Sebagai langkah proaktif, NIOSH telah memperoleh pensijilan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah untuk menggalakkan pelaksanaan aktiviti perniagaan dengan integriti, tanpa rasuah, serta mempromosikan tadbir urus yang baik.

NIOSH mengamalkan pendekatan "TOLERANSI SIFAR" terhadap sogokan dan rasuah serta komited untuk bertindak secara profesional, adil dan berintegriti dalam semua urusan dan hubungan perniagaan. Selaras dengan itu, kami memohon kerjasama anda untuk mengekalkan standard etika tertinggi dalam semua urusan perniagaan dengan NIOSH. Pelaksanaan dasar ini mencerminkan tanggungjawab dan komitmen kami dalam memberikan perkhidmatan terbaik secara telus dan adil kepada pelanggan serta pemegang taruh NIOSH.

Bagi memastikan pematuhan terhadap dasar ini, kami memohon anda untuk mematuhi peruntukan undang-undang semasa menjalankan aktiviti perniagaan dengan NIOSH. Jika anda dihubungi oleh mana-mana warga kerja NIOSH yang meminta sebarang bentuk sogokan atau rasuah, sila laporkan perkara tersebut kepada Unit Integriti & Governans (IGU) atau melalui saluran pelaporan sulit NIOSH di alamat e-mel whistleblower@niosh.com.my.

Kami ingin mengingatkan bahawa sebarang ketidakpatuhan terhadap peruntukan undang-undang boleh mengakibatkan tindakan tegas diambil terhadap anda atau kakitangan anda, termasuk menyerahkan perkara tersebut kepada SPM untuk tindakan lanjut.

NIOSH menghargai kerjasama anda dan berharap dapat meneruskan hubungan perniagaan profesional yang berlandaskan integriti serta sokongan terhadap ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah.

Terima kasih.

Yang benar,

DATO' HAJI AYOP BIN SALLEH
Pengarah Eksekutif
NIOSH

Lot 1, Jalan 15/1, Section 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.

T +603 8769 2100 / 8911 3800 F +603 8926 2900 W www.niosh.com.my

Regional Offices • Johor Bahru 07-599 1200 • Pengerang 07-886 1139 • Melaka 06-232 6855 • Kerteh 09-826 4001 • Kuantan 09-580 7028 • Penang 04-380 1200 • Manjung 05-689 0701
• Bintulu 086-311 500 • Kuching 082-536 801 • Miri 085-406 085 • Kota Kinabalu 088-264 252 • Labuan 087-423 254 • Sandakan 089-663 761